

**KAJIAN KES JABATAN KASTAM DIRAJA
MALAYSIA SABAH (JKDMS) MELALUI
PERSPEKTIF TEORI INSTITUSI DALAM
PERUBAHAN SISTEM DAN AMALAN
PERAKAUNAN PENGURUSAN**



ALI HASAN BIN HJ. BUGLAYAN

UMMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI PERNIAGAAN, EKONOMI DAN
PERAKAUNAN**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

2018

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL : _____

IJAZAH : _____

SAYA : _____ SESI PENGAJIAN : _____

(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis *(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

(TANDATANGAN PENULIS)

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap: _____

(NAMA PENYELIA)

TARIKH: _____

TARIKH: _____

Catatan:

*Potong yang tidak berkenaan.

*Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

30 Julai 2018

.....
Ali Hasan Bin Buglayan
MB1411005T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN


NAMA : ALI HASAN BIN HJ BUGLAYAN

NO. MATRIK : MB1411005T

**TAJUK : KAJIAN KES JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
SABAH(JKDMS) MELALUI PRESPEKTIF TEORI
INSTITUSI DALAM PERUBAHAN SISTEM DAN AMALAN
PERAKAUNAN PENGURUSAN**

IJAZAH : SARJANA PERAKAUNAN (PERAKAUNAN)

TARIKH VIVA : 24 JANUARI 2018



DISAHKAN OLEH;

UMMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

1. PENYELIA UTAMA

Dr. Sulaiman Bin Tahajuddin

Tandatangan

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirahim..

Alhamdulillah, syukur ke atas ilahi dengan limpahan rahmat serta nikmat masa, nyawa tenaga dan kesihatan yang dianugerahkan kepada saya dapat juga saya menyiapkan ijazah sarjana dengan jayanya.

Pertamanya, saya ingin mengucapkan penghargaan ini kepada penyelia akademik saya, Dr. Sulaiman Bin Tahajuddin kerana kepakaran beliau dalam bidang ini yang telah banyak membantu saya dalam memberi tunjuk ajar serta bimbingan yang membolehkan saya menyiapkan sarjana dengan mudah, tanpa bantuan beliau agak mustahil saya menyiapkan ijazah sarjana ini dengan mudah.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada isteri tersayang Puan Noraina Binti Badji, dan anak-anak tersayang dengan kesabaran dan sokongan mereka dalam melalui liku-liku perjalan pengajian saya yang telah mengorbankan ruang masa bersama mereka ditambah lagi melaksanakan tugas hakiki di tempat kerja.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibu bapa saya Hj Intan Baiduri Binti Hj Darim dan Hj Buglayan Bin Hawayan yang tidak putus-putus mendoakan kejayaan ini dan juga memberi sokongan moral dalam proses menyelesaikan pengajian saya.

Ucapan penghargaan ini juga saya tujukan kepada pegawai-pegawai Pasca Siswazah dan Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan yang telah banyak membantu dalam memudahkan urusan pengajian ini. Tidak dilupakan Ketua-ketua tertinggi Jabatan Kastam Diraja Malaysia Sabah yang memberi kelonggaran dalam urusan pengajian serta memberi beberapa maklumat penting yang tertulis atau maklumat secara penerangan yang banyak membantu dalam melengkapkan pengajian ini. Begitu juga rakan-rakan dalam Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Sabah sama ada secara langsung dan tidak langsung yang telah banyak memudahkan dan bantu dalam melengkapkan pengajian ini.

Akhir madah, saya mengucapkan terima kasih kepada mereka yang tidak dapat saya sebutkan satu demi satu dalam ucapan ini yang telah terlibat secara lansung atau sebaliknya dalam proses pengajian sehingga selesai. Terima kasih.

Ali Hasan bin hj Buglayan
30 Julai 2018

ABSTRAK

Pada pertengahan tahun 1980an para sarjana ternama dalam bidang perakaunan menyatakan bahawa masih banyak yang perlu diketahui dengan lebih dalam mengenai perubahan perakaunan pengurusan. Tidak lama selepas itu, iaitu pada awal 1990an, banyak kajian yang dilakukan menjurus kepada perubahan perakaunan pengurusan dalam perspektif pendekatan kualitatif. Walau bagaimanapun, ramai para sarjana masih lagi berpandangan bahawa di sebalik banyaknya kajian yang telah dibuat mengenai perubahan perakaunan pengurusan, para sarjana dalam bidang ini masih lagi berpandangan bahawa masih banyak lagi yang perlu diketahui. Hampir lebih dari 30 tahun selepas para sarjana memperkatakan mengenai perkara ini, masih lebih banyak lagi mengenai perubahan perakaunan pengurusan yang perlu dikaji untuk diketahui termasuklah (1) faktor yang mendorong kepada proses perubahan, (2) proses perubahan, dan (3) kesan akhir yang terjadi hasil dari proses perubahan tersebut. Melalui perspektif dan pendekatan kualitatif, kajian ini menggunakan konsep Isomorfisme dari Teori Institutional Sosiologi Baharu (NIS) yang dibangunkan oleh DiMaggio & Powell (1983) untuk memahami dan menerangkan kenapa dan bagaimana perubahan organisasi dan perubahan amalan perakaunan berlaku dalam Jabatan Kastam Diraja Malaysia Sabah (JKDMS). Dapatan kajian menunjukkan dengan jelas bahawa tekanan dalam bentuk *Coercive* adalah lebih dominan berbanding tekanan dalam bentuk *Normative* dan *Memetic* dalam membentuk perubahan di JKDMS. Selain itu, dapatan kajian ini juga menunjukkan dalam era globalisasi, sistem dan amalan perakaunan pengurusan telah menjadi 'bahasa' utama di dalam JKDMS dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai pemungut hasil cukai bagi pihak kerajaan. Dalam pada itu, dapatan kajian ini juga menunjukkan peranan institusional yang terdapat dalam kepimpinan, teknologi dan kegawatan ekonomi global adalah merupakan faktor utama yang mendorong perubahan perakaunan pengurusan di JKDMS secara signifikan.

Kata kunci: Perubahan, Organisasi, Perakaunan Pengurusan, kualitatif, Teori Sosiologi Baharu, Isomorphism, institusi, kepimpinan, teknologi dan kegawatan ekonomi global.

ABSTRACT

A CASE STUDY OF JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA SABAH(JKDMS) THROUGH THE INSTITUTIONAL THEORY PERSPECTIVE IN THE MANAGEMENT ACCOUNTING CHANGE OF SYSTEM AND PRACTICE

In mid 1980s the scholars in management accounting in particular argued that there is still much more need to be known about the management accounting change. Not so long after that, which is early 1990s, there were many researches had been carried out mainly to focus on the management accounting change within the perspective of qualitative approach. However, many scholars are still argue that besides the abundant research on the management accounting change, there is still a lot more yet to be known. Nearly after almost 30 years since the early scholars have said about this, it is still being argued that there are many more to be known about the management accounting change including (1) the factors that promote the change, (2) the process of change, and (3) the ultimate consequences of the process of change. Through the qualitative perspective and approach, this research employs the Isomorphism concept under the umbrella of New Institutional Sociology theory that was developed by DiMaggio and Powell (1983) to understand and explain of why and how the organizational change, and the management accounting change system and practices take place at Jabatan Kastam Diraja Malaysia Sabah. The findings of this research strongly demonstrate that the Coercive pressure, as compared to the Normative and Mimetic pressures is more dominant in triggering and creating change at JKDMS. Apart from this, the findings also reveal that in the globalization age, the management accounting has become the 'language' in the JKDMS. At the same time as well, it is also found that the institutional roles in the leadership, technology and the global economic downturn are the factors that have significantly triggered and created change at JKDMS.

Keywords: Change, Organization, Management Accounting, Qualitative, New Institutional Sociology theory, Isomorphism, Institution, leadership, technology and global economic downturn.

SENARAI KANDUNGAN

	MUKA SURAT
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI GAMBARAJAH	viii
SENARAI SINGKATAN	ix
SENARAI LAMPIRAN	xi
BAB 1: PENGENALAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Persoalan Kajian	7
1.5 Objektif Kajian	8
1.6 Rekabentuk Kajian	8
1.7 Kerangka Teoritikal	9
1.8 Skop dan Limitasi Kajian	10
1.9 Kepentingan Kajian	11
1.10 Pengertian Istilah	11
1.11 Rumusan Bab	12
BAB 2: SOROTAN LITERATUR	13
2.1Pengenalan	13
2.2 Definisi dan Konsep Perakaunan Pengurusan	13
2.3 Evolusi Perakaunan Pengurusan	15
2.4 Definisi dan Konsep Organisasi	17
2.4.1 Medan Organisasi	21
2.4.2 Organisasi dan Institusi	23
2.5 Definisi Perubahan dan Perubahan Organisasi	24
2.5.1 Faktor Penyebab Perubahan Organisasi	26
2.6 Faktor Dalaman	26
2.6.1 Peranan Budaya Organisasi	26
2.6.2 Kepimpinan dan Perubahan Organisasi	28
2.6.3 Peranan Pengurusan Organisasi	33
2.6.4 Peranan Kesatuan Sekerja	34
2.7 Faktor Luaran	34
2.7.1 Peranan Institusi	35
2.7.2 Peranan Globalisasi	36
2.7.3 Peranan Teknologi	37
2.7.4 Peranan Sistem Politik Persekitaran	38
2.7.5 Peranan Tekanan Pihak Atasan	39

2.7.6 Kegawatan Ekonomi dan Kewangan	40
2.8 Jenis dan Sifat Perubahan Organisasi	41
2.9 Tentang Pekerja Dalam Proses Perubahan Organisasi	42
2.10 Perubahan Organisasi dan Perubahan Perakaunan Pengurusan	44
2.11 Teori dan Model Dalam Perubahan Perakaunan Pengurusan	48
2.11.1 Teori Agensi	49
2.11.2 Teori Kontingensi	51
2.11.3 Teori Institusi	52
2.11.4 Teori Kritikal	55
2.12 Rumusan Bab	57
BAB 3: METODOLOGI KAJIAN	59
3.1 Pengenalan	59
3.2 Pendekatan Kajian	60
3.3 Kerangka Teori Kajian	63
3.3.1 Konsep Isomorphism	65
3.4 Kaedah Kajian	69
3.5 Kutipan Data	70
3.5.1 Temubual	71
3.5.2 Analisis Dokumen dan Arkib	75
3.5.3 Pemerhatian	76
3.5.4 Penglibatan	77
3.6 Kaedah Analisis Data	78
3.7 Rumusan Bab	80
BAB 4: DAPATAN DAN ANALISIS	81
4.1 Pengenalan	81
4.2 Konteks Sejarah, Ekonomi dan Sosial JKDMS	81
4.3 Profil JKDMS	84
4.3 Pola Perubahan JKDM	86
4.4 Perubahan Sebelum Tahun 2000	88
4.4.1 Era Kemerdekaan Sabah 1963	88
4.4.1.1 Era Kemerdekaan Sabah 1963: Implikasi	88
4.4.2 Era Selepas Pembentukan Persekutuan Malaysia 1963	89
4.4.2.1 Era Selepas Pembentukan Persekutuan Malaysia 1963: Implikasi	90
4.4.3 Era Tahun 1970an	90
4.4.3.1 Era Tahun 1970an: Implikasi	91
4.4.4 Era Tahun 1980an	92
4.4.4.1 Era Tahun 1980an: Implikasi	92
4.4.5 Era Tahun 1990an	93
4.4.5.1 Implikasi ke Atas Sistem dan Amalan Perakaunan Pengurusan	94
4.5 Perubahan Selepas Tahun 2000	95
4.5.1 Perubahan Kepimpinan Tertinggi JKDM Malaysia	96
4.5.2 Petunjuk Prestasi Utama - KPI	99
4.5.3 Implikasi KPI Kepada Sistem dan Amalan Perakaunan Pengurusan JKDMS	100
i. Mesyuarat	101

ii. Budaya Kerja Korporat	102
4.6 Tekanan Kegawatan Ekonomi Global dan Belanjawan Berhemah	104
4.7 Perlaksanaan GST	109
4.7.1 Implikasi GST ke Atas Sistem dan Amalan Perakaunan Pengurusan JKDMS	109
4.8 Tekanan Pihak Berkepentingan	113
4.8.1 Implikasi Tekanan Pihak Berkepentingan Ke Atas Sistem dan Amalan Perakaunan Pengurusan JKDMS	114
4.9 Kemunculan Golongan Professional Perakaunan Di JKDMS	115
4.9.1 Implikasi Golongan Profesional Perakaunan Ke Atas Sistem dan Amalan Perakaunan Pengurusan JKDMS	117
4.10 Rumusan Bab	118
BAB 5: PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN	120
5.1 Pengenalan	120
5.2 Imbasan Persoalan dan Objektif Penyelidikan	121
5.3 Faktor Faktor Perubahan	122
5.3.1 JKDMS dan Isomorfisme Normatif	124
5.3.2 JKDMS dan Isomorfisme Mimetik	125
5.3.3 JKDMS dan Isomorfisme Paksaan	126
i. Perubahan Undang-Undang dan Peraturan	126
ii. Kegawatan Ekonomi	129
iii. Tekanan Politik, Pengurusan dan Kepimpinan Atasan	130
iv. Tekanan Institusi Golongan Profesional Perakaunan	133
5.4 Perubahan Organisasi dan Perubahan Sistem dan Amalan PerakaunanPengurusan	134
5.5 Tentangan Terhadap Perubahan	135
5.6 Cadangan Pada Kajian Akan Datang	137
5.7 Kesimpulan	138
RUJUKAN	140
LAMPIRAN	155

SENARAI GAMBARAJAH

	Halaman
Gambarajah 2.1 : Konsep Organisasi	19
Gambarajah 2.2 Konsep Perubahan Organisasi	57
Gambarajah 3.1 : Perbandingan antara Penyelidikan Kuantitaif dan Kualitatif	61
Gambarajah 3.2 : Gambaran proses perubahan menggunakan konsep Isomorphism	68
Gambarajah 4.1 : Carta Organisasi JKDMS	85



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

ABC	-	Activity Based Costing
BAC	-	Bank of America Corporation
BNM	-	Bank Negara Malaysia
CBP	-	Cukai Barangan dan Perkhidmatan
CJ	-	Cukai Jualan
CP	-	Cukai Perkhidmatan
DEB	-	Dasar Ekonomi Baru
DPN	-	Dasar Pembangunan National
EOQ	-	Economic Order Quantity
ETP	-	Economics Transformation Programme
GST	-	Goods and Services Tax
GTP	-	Government Transformation Programme
ICT	-	Information and Comunication Tecnology
IFAC	-	International Federation of Accountants
IMF	-	International Monetary Fund
IT	-	Information Technology
JIT	-	Just In Time
JKDMS	-	Jabatan Kastam Diraja Malaysia
JKDMS	-	Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Sabah
KDNK	-	Keluaran Dalam Negara Kasar
KPI	-	Key Performance Indicator
MAMPU	-	Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia

MKRA	-	Ministry Key Result Area
MSC	-	Multimedia Super Corridor
MTEN	-	Majlis Tindakan Ekonomi Negara
NIS	-	New Institutional Sociology
NKPI	-	National Key Performance Indicator
NKRA	-	National Key Result Area
NPM	-	New Public Management
NTP	-	National Transformation Programme
OECD	-	Organization for Cooperation and Development
OIE	-	Old Institutional Economics
PBB	-	Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
PRE	-	Pakej Rangsangan Ekonomi
PERNAS	-	Pusat Daya Pengeluaran Negara dan Bahagian Khidmat Nasihat
RMK	-	Rancangan Malaysia Ke
TQM	-	Total Quality Management
UPEN	-	Unit Perancang Ekonomi Negara
UDA	-	Urban Development Authority
WCO	-	World Customs Organisation
WTO	-	World Trade Organization
YAB	-	Yang Amat Berhormat

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1: Senarai Temubual	155
Lampiran 2: Soalan Temubual	159
Lampiran 3: Kaedah Analisis Data	162
Lampiran 4: Tentatif Aktiviti Penyelidikan	165
Lampiran 5: Temubual bersama Resp 13 (Tim PKN)	166
Lampiran 6: Temubual bersama Resp 17 (Pegawai Kewangan dan Perolehan)	169
Lampiran 7: Temubual Kumpulan Fokus	176



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Penyelidikan ini bertujuan untuk memahami dan seterusnya menerangkan bagaimana perubahan organisasi, perubahan perakaunan pengurusan dan perkaitan antara keduanya berlaku dalam Jabatan Kastam Diraja Malaysia Sabah (JKDMS). JKDM merupakan salah satu jabatan yang ditubuhkan oleh kerajaan Malaysia dengan fungsi utama untuk memungut cukai tidak langsung. Seperti yang diterangkan lebih lanjut dalam bab Metodologi, pemilihan JKDMS adalah atas dasar kepercayaan dan keyakinan penyelidik bahawa setiap sistem dan amalan organisasi serta perubahan yang dialaminya adalah berkait rapat dengan konteks dan persekitaran di mana ianya berada (Moilanen, 2008).

Bab ini menerangkan mengenai latar belakang fokus kajian, persoalan kajian dan juga objektif kajian. Ianya juga memuatkan mengenai kepentingan dapatan kajian ini kepada pembuat dasar dan juga bidang kajian dari segi teori dan empirikal. Selain itu, bab ini juga menerangkan secara ringkas kaedah dan kerangka kajian yang digunakan untuk menjawab persoalan dan juga mencapai objektif kajian. Seterusnya, bab ini juga menjelaskan mengenai skop dan limitasi kajian, sebelum rumusan dan penutupan bab.

1.2 Latar Belakang Kajian

Era tahun 1990an merupakan satu sejarah bagi sistem pentadbiran awam di seluruh dunia kerana berlakunya gelombang perubahan yang ketara dalam halatuju sistem dan amalan pentadbiran awam secara global yang dipanggil 'New Public Management' atau ringkasnya NPM (Pengurusan Awam Baharu). Sebelum ianya dikenali secara global sebagai NPM khususnya di kalangan para sarjana, ianya dikatakan telah bermula di United Kingdom ketika pentadbiran perdana menteri

pada ketika itu iaitu Margaret Thatcher pada awal 1980an. Pada ketika itu, United Kingdom (UK) sedang mengalami kegawatan dan perkembangan yang tidak memberangsangkan dan menyebabkan pentadbiran Margaret Thatcher untuk menstrukturkan semula sistem dan amalan sistem pentadbiran awam agar menjadi lebih cekap dan berkesan. Tindakan oleh United Kingdom (UK) ini pula tidak lama selepas itu telah disusuli oleh tindakan dari dua negara lain iaitu New Zealand dan Australia. Kejayaan ketiga-tiga negara tersebut dalam menstrukturkan semula sistem dan amalan pentadbiran awam mereka, dan diikuti oleh bukti-bukti yang menunjukkan kejayaan mereka dalam memulih dan seterusnya memperbaiki tahap ekonomi mereka telah mendorong negara-negara dalam OECD¹ untuk mempraktikkan sistem pentadbiran awam yang sama (Gruening, 2001).

Perkembangan yang dimulakan oleh kerajaan Margaret Thatcher dan juga kejayaan memberangsangkan oleh New Zealand dan Australia setelah itu telah mendapat perhatian dari para sarjana yang akhirnya menumpukan penyelidikan mereka kepada gelombang perubahan pentadbiran awam ini dan seterusnya telah menamakan ianya sebagai 'New Public Management' (Gruening, 2001). Menurut Gruening (2001), berdasarkan kajian dan penelitian beliau berkaitan NPM oleh para sarjana dan ahli industri, antara ciri-ciri utama yang dikaitkan dengan NPM adalah pemotongan bajet kerajaan, penswastaan, akauntabiliti untuk pencapaian, audit prestasi, penumpuan pada pelanggan (konsep 'pusat hentian setempat'), desentralisasi, perancangan dan pengurusan, pemisahan campurtangan politik dan pentadbiran, persaingan, pengukuran prestasi, pengurusan perubahan, penambahbaikan sistem dan amalan perakaunan, kenaikan bayaran ke atas pengguna, penambahbaikan pengurusan kewangan, penggunaan intensif kemajuan teknologi dan pelbagai lagi. Siddique (2006) melihat NPM sebagai satu mekanisme yang digunakan oleh kerajaan sebagai satu pantas untuk menangani dasar kritikan negatif sistem pentadbiran kerajaan yang bersifat lemah, tidak cekap dan tidak berkesan.

¹ Organization for Economic Cooperation and Development (**OECD**) adalah forum unik terdiri daripada 34 negara yang mana saling bekerjasama dari segi ekonomi. Ianya juga bekerjasama dengan 70 negara bukan ahli yang berusaha untuk meningkatkan ekonomi, kekayaan, dan pembangunan lestari.

Dari segi konsep dan pengertian NPM, Pollitt (2007) menjelaskan bahawa NPM ialah satu bentuk paradigma dalam sistem pentadbiran kerajaan yang mengadaptasi konsep dan mekanisma pentadbiran korporat atau perniagaan berdasarkan keuntungan. Ini termasuklah mengadaptasi sistem prestasi yang dinilai berdasarkan 'output', penggunaan struktur organisasi yang bersifat kecil dan menegak (tidak terlalu besar seperti kebiasaannya), melihat dan melayan pengguna-pengguna (majoritinya orang awam) perkhidmatan kerajaan sebagai 'pelanggan', dan seterusnya penggunaan yang lebih kepada konsep penambahbaikan berterusan seperti Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM) dalam sistem dan amalan pentadbiran awam.

Dalam konteks perkaitan NPM dengan perubahan sistem dan amalan perakaunan dalam pentadbiran awam juga menunjukkan bahawa terdapat perkaitan yang jelas antara keduanya. Seperti yang dikatakan oleh Christiaens dan Rommel (2008), adalah jelas bahawa tiada siapa yang boleh menyangkal atau menidakkan bahawa NPM telah mengubah lanskap sistem dan amalan perakaunan pentadbiran awam di seluruh dunia. Sebagai contoh, Hassan (2015) menjelaskan bahawa perubahan yang dialami oleh sektor awam di Indonesia khususnya oleh pihak berkuasa tempatan adalah berpunca dari NPM. Secara khusus, Hassan (2015) menyatakan bahawa apabila Indonesia mengalami kegawatan ekonomi yang kritikal pada penghujung 1990an, mereka terpaksa meminta bantuan International Monetary Fund (IMF) dan badan-badan penderma kewangan yang lain untuk memulihkan ekonomi di negara tersebut. IMF yang menyedari mengenai gelombang NPM telah menggunakan kesempatan ini untuk memaksa Indonesia untuk mengubah sistem perakaunannya agar lebih bersifat akruan, iaitu salah satu ciri-ciri perakaunan perniagaan bersifat keuntungan, seperti mana yang dipelopori oleh inisiatif NPM.

Selain NPM, peranan kemajuan teknologi dalam membawa perubahan ke atas organisasi ialah antara yang mendapat perhatian di kalangan para sarjana, pemain industri dan para penyelidik khususnya dalam aspek perubahan organisasi. Majoriti menyatakan bahawa organisasi akan sering mengadaptasi perubahan teknologi melalui penggunaan teknologi terkini dan relevan dalam operasi mereka agar dapat mengekalkan dan memperbaiki kelebihan kompetitif mereka. Sebagai contoh, Lim

dan Yazdanifard (2014) dan Martincic (2010) menyatakan bahawa melalui perubahan teknologi yang diadaptasi oleh organisasi akan menjadikan produktiviti, kecekapan dan keberkesanan para pekerja akan meningkat, yang mana ianya merupakan elemen penting dalam persaingan yang kompetitif. Para sarjana bersetuju, bahawa globalisasi dan perkembangan teknologi telah mengubah lanskap persaingan antara firma-firma perniagaan, yang akhirnya telah memaksa mereka untuk melakukan perubahan dalam sistem dan amalan harian mereka. Antara lain, Rababa'h (2014) mendapati dengan menggunakan teknologi terkini sesebuah organisasi yang sedang mengubah proses penilaian prestasi mereka akan lebih berjaya kerana kecanggihan teknologi mampu membantu mereka melalui capaian data dan maklumat diperlukan dengan lebih tepat, cepat dan relevan.

Di Malaysia, inisiatif perubahan dalam sistem pentadbiran sektor awam sebenarnya telah lama berlaku seiring dengan tahun kemerdekaan sejak 1957. Menurut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), inisiatif perubahan sistem dan amalan pentadbiran awam di Malaysia adalah didorong oleh keinginan negara tersebut untuk meningkatkan taraf hidup rakyatnya melalui penambahbaikan dan inisiatif pemodenan pentadbiran sektor awam yang berterusan (PBB, 1995).

Ringkasnya, terdapat banyak faktor yang telah mendorong negara, kesatuan dan juga organisasi untuk mengubah sistem dan amalan pentadbiran mereka. Walau bagaimanapun, para sarjana dan ahli industri sepakat menyatakan bahawa faktor utama yang telah mendorong perubahan ini adalah seperti NPM, globalisasi dan juga kemajuan teknologi. Satu perkara penting yang perlu diambil perhatian mengenai perubahan organisasi ini khususnya adalah mengenai apa yang telah dikatakan oleh Christiaens dan Rommel (2008) serta Hassan (2015) bahawa walaupun banyak yang telah diperkatakan mengenai perubahan dalam dekad ini tetapi kita perlulah berhati-hati kerana masih banyak yang kita perlu ketahui mengenai kesan dan arah tuju perubahan tersebut.

1.3 Pernyataan Masalah

Tujuan utama penyelidikan ini adalah untuk memahami dan menerangkan bagaimana sistem dan amalan perakaunan pengurusan terbentuk dalam sesebuah organisasi iaitu dalam kes ini adalah JKDMS. Melalui pemahaman yang diperolehi melalui sorotan literatur dalam bidang yang sedang dikaji, penyelidik mendapati bahawa secara umumnya terdapat hubungkait yang signifikan di antara perubahan organisasi dan juga perubahan sistem dan amalan pengurusan dalam organisasi tersebut.

Pada dasarnya, para sarjana dan penyelidik terdahulu dalam bidang ini menyatakan bahawa perubahan dalam organisasi termasuklah juga perubahan dalam sistem dan amalan perakaunan pengurusannya berpunca daripada interaksi daya atau faktor luaran dan dalaman organisasi. Ini termasuklah faktor luaran antaranya seperti globalisasi, perkembangan teknologi, NPM, perubahan sistem politik negara, persaingan sengit dalam pasaran, kegawatan ekonomi peringkat nasional dan global dan tekanan pihak atas. Manakala dari segi dalaman organisasi termasuklah antaranya peranan kepimpinan dan pengurusan organisasi, perkembangan inovasi organisasi, keinginan dalaman untuk berubah dan masalah kewangan dalaman.

Walaupun pada umumnya faktor yang membawa kepada perubahan organisasi dan juga sistem dan amalan perakaunan pengurusan seolah-olah adalah sama tetapi seperti yang dinyatakan oleh Laughlin (1991), momentum dan magnitud perubahan yang berlaku kepada setiap organisasi tersebut adalah sukar untuk diukur, dikenalpasti dan juga dijangkakan. Laughlin (1991) juga menyatakan bahawa momentum dan magnitud perubahan tersebut adalah berbeza di antara satu organisasi dan organisasi yang lain walaupun mereka adalah terdedah kepada faktor yang sama. Ini adalah selaras dengan teori asas Pembangunan Sosial yang menyatakan bahawa setiap yang realiti yang wujud itu ialah hasil interaksi antara elemen sosial. Interaksi antara elemen sosial ini pula adalah bersifat unik yang akhirnya memungkinkan perubahan organisasi dan juga perubahan sistem dan amalan perakaunan dalam sesebuah organisasi adalah berbeza antara satu sama lain.

Berdasarkan kepercayaan bahawa setiap organisasi itu bersifat unik dalam konteks perubahan yang dialaminya, penyelidik tertarik untuk memahami dan menerangkan bagaimana interaksi faktor institusi luaran dan dalaman organisasi JKDMS telah membentuk organisasi dan sistem dan amalan perakaunan pengurusannya yang ada pada hari ini. Penyelidik percaya bahawa faktor institusi luaran seperti kegawatan ekonomi tahun 1997, 2007 dan beberapa tahun kebelakangan ini pastinya memberi kesan yang signifikan ke atas JKDMS melalui peranan institusi tertentu seperti institusi kewangan, politik, peniaga, pengguna, rakyat dan juga kerajaan. Selain itu, faktor perubahan perlembagaan negara, undang-undang, peraturan, globalisasi dan perkembangan teknologi serta tekanan dari Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dan Pertubuhan Kastam Sedunia (WCO) pastinya akan memberi kesan ke atas perubahan organisasi JKDMS. Seperti yang diterangkan dengan lebih lanjut dalam bab yang seterusnya, Malaysia adalah negara berdaulat dan menjadi salah satu negara ahli dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Dengan itu, Malaysia secara amnya dan JKDM secara khususnya adalah tertakluk dan terkesan atas sebarang dasar-dasar yang dibuat oleh PBB khususnya yang melibatkan hal-hal perdagangan dan perkastaman. Dalam erti kata lain, WTO dan WCO merupakan dua badan dalam PBB yang mempunyai pengaruh dan kesan ke atas dasar-dasar dan perubahan yang berlaku dalam JKDM dan juga JKDMS. Sebagai contoh, bila WTO memutuskan agar seluruh kaedah penilaian barangan import diselaraskan antara negara ahli PBB maka JKDMS telah mengubah sistem penilaian barangan import agar selaras dengan keputusan dan kehendak WTO. Di samping itu perubahan-perubahan dalaman yang dialami oleh JKDM Malaysia seperti perantikan Tan Sri Abdul Halil Abdul Mutalib pada 1 Ogos 2000, perubahan-perubahan akta dan peraturan dalaman JKDM, pengenalan CBP pada 1995 di Parlimen yang akhir dilaksanakan pada 1 April 2015 dan lain-lain lagi pastinya memberi impak yang signifikan ke arah perubahan JKDMS dalam konteks perubahan organisasi secara umum dan perubahan sistem dan amalan perakaunan pengurusan secara khusus.

Memandangkan tidak ada kajian atau penyelidikan seumpama ini pernah dilakukan sebelum ini ke atas JKDMS, penyelidik percaya bahawa sebarang dapatan melalui penyelidikan ini akan menambahkan lagi pengetahuan mengenai perubahan

organisasi dan perakaunan pengurusan dari segi teori dan empirikal. Selain itu, dapatan penyelidikan ini pasti akan memberi gambaran mengenai kesan inisiatif perubahan terancang atau tidak terancang yang telah berlaku ke atas JKDM Malaysia umumnya dan JKDMS khususnya. Secara tidak langsung, dapatan penyelidikan ini akan dapat dijadikan panduan dalam membuat dasar yang berkaitan dengan pengurusan perubahan yang melibatkan JKDM dan organisasi lain kerajaan Malaysia pada masa akan datang. Ini juga selaras dengan pandangan para ahli akademik dalam bidang ini yang menyatakan bahawa sebarang inisiatif berkaitan perubahan dalam sesebuah organisasi maka perlulah mengetahui dan memahami kesan proses, kesan akhir dan rintangan yang mungkin berlaku agar objektif dan proses perubahan berjalan seperti yang dikehendaki. JKDM, seperti juga organisasi yang lain sering mengalami perubahan sama ada yang terancang atau sebaliknya. Maka dengan itu, banyak isu dan kefahaman yang perlu diketahui agar pengurusan perubahan termasuklah sistem dan amalan perakaunan pengurusannya mencapai objektif yang dikehendaki.

1.4 Persoalan Kajian

Isu-isu yang timbul dalam Jabatan menyebabkan timbul beberapa persoalan yang perlu dirungkai untuk menjawab kepada kajian ini, Antara persoalan yang perlu di jawab adalah seperti berikut:

1. Adakah terdapat perubahan dalam sistem dan amalan perakaunan pengurusan di Jabatan Kastam Diraja Malaysia Sabah?
2. Apakah faktor institusi luaran dan dalaman organisasi yang telah mendorong JKDMS untuk berubah?
3. Bagaimanakah faktor tersebut saling berkait dan berinteraksi dalam membentuk perubahan tersebut?
4. Apakah perkaitan antara perubahan organisasi JKDMS dan juga perubahan sistem dan amalan perakaunan pengurusan JKDMS?
5. Apakah peranan pemimpin dan pengurusan JKDMS dalam proses perubahan tersebut?
6. Adakah tentangan wujud di dalam kalangan anggota JKDMS dalam proses perubahan tersebut?

1.5 Objektif Kajian

Untuk menjawab persoalan-persoalan kajian yang telah dinyatakan seperti di atas, penyelidik akan cuba untuk mencapai objektif berikut:

1. Mengenalpasti perubahan-perubahan yang berlaku dalam sistem dan amalan pungutan hasil di Jabatan Kastam Diraja Malaysia.
2. Menjelaskan faktor institusi luaran yang mendorong kepada perubahan dan amalan yang dilaksanakan oleh pegawai di JKDMS.
3. Menjelaskan faktor institusi dalaman yang mendorong kepada perubahan dan amalan yang dilaksanakan oleh pegawai di JKDMS.
4. Mengenal pasti dan memahami perkaitan antara perubahan organisasi dan juga perubahan pengurusan perakaunan.
5. Mengenal pasti dan memahami peranan pemimpin dan pihak pengurusan JKDMS dalam proses perubahan organisasi dan juga perubahan perakaunan pengurusan.
6. Mengenal pasti dan memahami sebarang rintangan atau tentangan yang wujud dalam proses perubahan tersebut.

1.6 Rekabentuk Kajian

Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, kajian ini bertujuan untuk memahami dan menerangkan bagaimana proses perubahan organisasi dan perubahan perakaunan pengurusan berlaku atau wujud dalam sesebuah organisasi, di samping melihat kepada perkaitan antara keduanya. Penyelidik percaya bahawa realiti mengenai sesuatu itu adalah terbentuk hasil daripada interaksi elemen sosial.

Untuk mencapai objektif kajian, penyelidik akan menggunakan kaedah interpretif, iaitu memahami dan menerangkan mengenai suatu fenomena yang berlaku berdasarkan interpretasi individu yang terlibat dalam pembentukan

fenomena atau realiti tersebut. Oleh itu kajian ini akan menggunakan pendekatan kualitatif dengan mendapatkan interpretasi peserta yang terlibat dalam kajian melalui kaedah penjajaran atau 'triangulation' antara temubual peserta iaitu ahli JKDMS, penglibatan dalam aktiviti JKDMS, pemerhatian dan juga analisis dokumen-dokumen yang berkaitan. Data-data yang diperolehi akan dianalisa menggunakan pendekatan tema yang berlandaskan konsep Isomorphism yang dibina oleh DiMaggio dan Powell (1983) dan juga dari konsep-konsep dan model yang berkaitan dengan kajian ini seperti model perubahan oleh Kasurinen (2002) dan juga model Perubahan Organisasi oleh Laughlin (1991). Penyelidik percaya gabungan daripada ketiga-tiga model atau konsep perubahan organisasi ini akan dapat memandu dan membantu penyelidik untuk memahami dan menjelaskan proses perubahan organisasi dan perubahan perakaunan di JKDMS dengan baik dan jelas.

Kajian ini juga berasaskan kajian kes iaitu ke atas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Sabah (JKDMS) dengan melibatkan sejumlah tidak lebih 50 orang pegawai dalam JKDMS ditemubual sebagai peserta. Peserta yang telah dipilih dalam kajian ini ditentukan berdasarkan kepelbagaian dalam profail mereka dengan mengambil kira tempoh perkhidmatan, lokasi perkhidmatan, deskripsi tugas dan juga cadangan dari peserta ketika temubual dijalankan.

1.7 Kerangka Teoritik

Penyelidikan ini akan menggunakan kaedah interpretif yang berasaskan anggapan bahawa realiti adalah terbentuk hasil daripada interaksi elemen sosial. Secara ringkasnya penyelidik akan menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan teori institusi baharu atau NIS secara umumnya, dan konsep Isomorphism oleh DiMaggio dan Powell (1983) secara khususnya. Pada asasnya, menurut teori NIS oleh DiMaggio dan Powell (1983) ini, terdapat tiga bentuk Isomorfisme yang memberikan tekanan kepada organisasi sehingga organisasi itu perlu berubah iaitu Isomorfisme dalam bentuk Paksaan, Mimetik dan Normatif. Konsep Isomorphism yang digunakan dalam penyelidikan ini diterangkan dengan lebih lanjut dalam bab yang seterusnya iaitu Bab 2 dan sebahagiannya dalam Bab 3.

1.8 Skop dan Limitasi Kajian

Kajian ini menumpukan kepada perubahan sistem dan amalan perakaunan pengurusan di Jabatan Kastam Diraja Malaysia Sabah bermula dari tahun 1963 bila Sabah menjadi sebahagian dan negara Malaysia, hingga tahun 2016. Seperti yang telah diterangkan dalam persoalan kajian, skop kajian ini hanya tertumpu kepada pemahaman dan penerangan mengenai bagaimana sistem dan amalan pengurusan perakaunan wujud di JKDMS pada hari ini. Penyelidik mendapati melalui analisis kajian bahawa sememangnya walaupun JKDMS adalah sebahagian dari JKDM tetapi faktor keunikan dari segi sejarah kewujudan, sejarah undang-undang, faktor geografi dan keunikan elemen-elemen sosio-ekonomi setempat menjadikan sistem dan amalan perakaunan pengurusan yang dialami oleh JKDMS adalah unik dan tidak sama dengan JKDM walaupun ianya adalah organisasi yang sama secara umumnya. Contohnya, sebelum tahun 1963, JKDMS menggunakan Ordinan-ordinan Perkastaman Sabah untuk dijadikan asas dalam sistem dan amalan perakaunan pengurusan sedangkan pada masa yang sama, JKDM yang berpusat di Semenanjung Malaysia menggunakan undang-undang yang berbeza. Ini jelas menunjukkan bahawa keunikan JKDMS menjadikan penyelidikan ini boleh dijustifikasikan sebagai bersifat unik dan pastinya memberikan satu pengetahuan baharu dalam konteks perubahan sistem dan amalan perakaunan pengurusan. Di samping itu, perkaitan perubahan sistem dan amalan tersebut akan dikaitkan dengan perubahan organisasi yang dialami oleh JKDMS dan juga Malaysia secara umumnya. Dari segi limitasi, penyelidik hanya menggunakan kaedah interpretif dan juga pendekatan kualitatif dalam mendapatkan data, memahami dan seterusnya menerangkannya. Penyelidik percaya, dengan mengaplikasikan perspektif dan kaedah lain seperti positivism dan juga kaedah kuantitatif telah menambahkan lagi pengetahuan mengenai bidang penyelidikan ini.